

P. RAMLEE MENGANGKAT MARTABAT GURU MELALUI FILEM



Persepsi masyarakat tentang industri filem sebagai medium sosial yang mampu untuk mengangkat martabat dan imej sesuatu golongan atau kerjaya berada pada tahap yang tinggi dari semasa ke semasa. Hal ini dikatakan demikian kerana filem merupakan wadah seni yang mempunyai pengaruh besar untuk menginterpretasikan gambaran baik dan buruk sesuatu produk yang diperkenalkan. Semenjak filem pertama ditayangkan di Boulevard des Capucines pada 28 Disember 1895 sehingga munculnya industri perfileman Hollywood yang rancak mendominasi seni layar antarabangsa, filem kekal memberikan pengaruh yang luar biasa kepada penonton, khususnya mereka yang haus akan nilai seni di layar perak.

Antara kerjaya yang sering dipaparkan dalam filem termasuklah dunia kehidupan orang yang bekerja sebagai guru atau pendidik. Peranan dan cabaran pendidik di sekolah atau institusi pendidikan tinggi sering kali dipilih oleh penggiat filem untuk diberi tumpuan utama melalui watak atau jalan cerita.

P. Ramlee, sebagai adiwira ulung industri perfileman Melayu pada dekad 1950-an sehingga awal tahun 70-an, turut tidak boleh lari daripada memainkan peranan untuk memperkenalkan dunia keguruan dalam filem lakonannya. Daripada belasan filem Melayu lakonan dan arahnya, terdapat tiga buah filem yang dilihat cuba untuk menonjolkan aspek kerjaya guru secara langsung. Ketiga-tiga filem tersebut ialah *Masam-Masam Manis*, *Pendekar Bujang Lapok* dan *Nasib Labu Labi*. Sebagai impak daripada ketiga-tiga buah filem ini, maka munculnya watak yang bergelar Cikgu Shaari, Cikgu Murni, dan Cikgu Ros yang masih diingati sehingga hari ini.

Dalam filem *Masam-Masam Manis*, P. Ramlee, yang memegang watak utama sebagai Cikgu Shaari, merupakan pendidik yang baru bertugas di sekolah rendah di Hulu Klang.



Cikgu Shaari.

Sebagai penjawat awam, Cikgu Shaari berusaha untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik-baik mungkin. Namun begitu, sebagai guru muda yang masih bujang, dia tidak dapat lari daripada terjebak dengan hubungan cinta dengan gadis yang bernama Norkiah. Sedikit banyak hubungan intim itu mengganggu tugas rasminya sebagai penjawat awam di sekolah. Hal ini mengundang campur tangan guru besar, Cikgu Basar Muhamad, yang melihat prestasi kerja Cikgu Shaari mula merudum apabila kerap tidak menghadiri mesyuarat guru.

Minat dan kecenderungan Cikgu Shaari terhadap muzik turut menjejaskan reputasi penjawat awam yang tertakluk kepada arahan dan pekeliling semasa. Dia secara senyap-senyap bekerja sebagai pemain muzik di kelab malam sehingga mengganggu waktu tidurnya.

Dalam satu babak, Cikgu Basar Muhamad, mendapati Cikgu Shaari sedang tidur di hadapan murid. Sebagai akibatnya, pengajaran dan pembelajaran tidak berjalan manakala murid pula bebas untuk berbuat bising di kelas. P. Ramlee, ketika melakonkan

watak Cikgu Shaari, tentu melihat betapa pendidik juga mempunyai minat dan kecenderungan tertentu di luar waktu bertugas. Sudah tentu minat dan kebolehan istimewa ini tidak boleh diseekat hanya kerana bergelar penjawat awam.

Pada hari ini, banyak pendidik yang memiliki pelbagai kepakaran tersendiri. Kepakaran yang dimiliki itu pula tentulah mampu untuk menajankan pendapatan tambahan kepada mereka bagi menampung kewangan. Hal inilah yang mendorong Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, melalui Peraturan 5 Perkhidmatan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 serta pindaan pada tahun 2002, membenarkan kakitangan kerajaan melakukan pekerjaan sampingan. Hal ini berdasarkan beberapa syarat, seperti kebenaran bertulis daripada ketua jabatan, selain tugas luar itu tidak mengganggu tugas hakiki.

Cikgu Shaari barangkali terlupa bahawa antara kriteria yang membolehkannya bekerja sampingan termasuklah tidak

sama sekali menjejaskan prestasi dan produktiviti penjawat awam. Tugas luar itu pula sewajarnya mampu untuk melonjakkan imej guru, sekolah atau jabatan. Pada hari ini, banyak guru menceburi kerjaya lain, seperti jurulatih sukan, pengadil, penceramah, serta penulis buku fiksiyen.

Filem terbitan Ogos 1965 ini turut menekankan peranan pentadbir sekolah melalui gaya kepemimpinan yang berkesan. Cikgu Basar Muhamad, selaku majikan, menggunakan pendekatan berhemah apabila tidak memarahi Cikgu Shaari di hadapan murid. Walaupun kesalahan Cikgu Shaari wajar dikenakan tindakan tatatertib, Cikgu Basar Muhamad memilih untuk menggunakan cara berbingcing dan bertoleransi. Dia memanggil Cikgu Shaari ke bilik yang tertutup sebelum bertanya, dari hati ke hati, tentang punca sebenar masalah yang dihadapinya. Inilah gaya kepemimpinan yang berorientasikan timbang rasa. Seandainya penyelesaian masalah guru dilakukan melalui

Pendekar Mustar dan Cikgu Basar Muhamad.



leteran kata kasar dan biadap serta mengabaikan guru, sudah tentu hal ini akan timbul implikasi yang lebih besar, seperti bermasam muka dan berselisih faham, yang dapat mengakibatkan pergaduhan.

Cikgu Basar Muhamad, dengan lunak hati dan lembut bicara, memberikan pilihan kepada Cikgu Shaari, sama ada meneruskan kerjaya sebagai pendidik yang berwibawa ataupun melepaskan jawatan guru untuk berkecimpung dengan minatnya sebagai pemain muzik. Inilah cabaran besar banyak pentadbir bagi menghadapi kerenah dan masalah guru di sekolah.

Kajian rambang yang dijalankan terhadap lebih daripada 100 orang pentadbir sekolah, termasuk pengetua, guru besar dan penolong kanan, baru-baru ini mendapati bahawa hampir kebanyakan daripada mereka memilih untuk mengamalkan gaya kepimpinan berorientasikan tugas dan timbang rasa. Hal ini bermakna bahawa pentadbir sekolah di negara ini tidak terburu-buru untuk mengambil tindakan atau menjatuhkan hukuman kepada guru hanya melalui andaian atau cerita yang tersebar semata-mata. Sebagai hasilnya, masalah berjaya diselesaikan dengan mudahnya tanpa melibatkan pihak atasan, seperti pegawai pendidikan daerah atau negeri. Namun begitu, masih ada segelintir pentadbir yang bertindak melulu tanpa mengikut saluran yang betul sehingga sekolah menjadi medan tuduh-menuduh dan berprasangka buruk.

Di sinilah moral dan imej guru yang dipaparkan melalui filem *Masam-Masam Manis*.

P. Ramlee, selaku pemikir zaman, berjaya untuk mengangkat martabat golongan pendidik melalui watak Cikgu Shaari yang akhirnya diberi kepercayaan untuk menyandang jawatan guru besar. Sudah tentulah jawatan tertinggi ini diisi oleh penjawat awam yang berkualiti dan beramanah serta melepasi kriteria yang ditetapkan.

Tindakan Cikgu Shaari yang berikrar untuk meneruskan kerjaya sebagai guru merupakan tindakan yang tepat dan betul. Meskipun pada peringkat awal berlaku krisis rumah tangga selepas menikahi Norkiah, berkat toleransi dan kasih sayang, hubungan itu berjaya diselamatkan. Kehidupan berkeluarga mereka menjadi aman damai dan bahagia melimpah ruah.

Filem arahan P. Ramlee ini, meskipun berkonsepkan humor, mempamerkan keluhuran dan keperibadian golongan pendidik yang cukup dihargai. Di mata seniman agung itu,

guru menjadi contoh terbaik kepada pelajar dan masyarakat sekeliling. Guru juga berperanan untuk mencegah kemungkaran dan jenayah yang berlaku di mana-mana sahaja.

Namun demikian, masyarakat perlu memahami bahawa guru manusia biasa yang juga sering terganggu emosi oleh masalah keluarga. Gangguan emosi ini kadangkala, jika dibiarkan, boleh merencatkan tumpuan terhadap tugas dan tanggungjawab hakiki di sekolah. Oleh itu, peranan pentadbir sekolah sangat diperlukan melalui gaya penyelesaian masalah yang sudah tentu mendatangkan impak positif dalam konteks pengurusan sekolah.

Satu lagi filem yang memaparkan imej dan watak pendidik ialah *Pendekar Bujang Lapok*. Filem komedi lakonan P. Ramlee, Aziz Sattar, dan S.Shamsudin ini, meskipun berkisar tentang kejadian di Kampung Pinang Sebatang, tetap memberikan perhatian

Cikgu Ros.



Cikgu Murni.

kepada aspek keguruan dan nilai ilmu. Sebagai guru silat yang hebat, *Pendekar Mustar* perlulah lebih dahulu menunjukkan kewibawaannya untuk menguasai ilmu sebelum menerima anak murid. Dalam dunia pendidikan hari ini, imej dan kredibiliti guru dinilai daripada kepakaran ilmu dan kemahiran yang dimiliki. Oleh itu, makin tingginya ilmu guru maka makin terserlahlah keyakinan pelajar untuk berguru. *Pendekar Mustar* berjaya membuktikan bahawa dia guru silat yang berkebolehan apabila berjaya mengalahkan banyak musuh dalam babak pergaduhan di jeti.

Pada hari ini, pelbagai jawatan dan jenama guru diperkenalkan oleh Kementerian. Antaranya termasuklah guru cemerlang, guru pakar dan guru inovasi. Mereka dinilai melalui kepakaran dan kejayaan yang dicapai sepanjang perkhidmatan. Ada guru yang berjaya mencetak nama sehingga peringkat antarabangsa apabila diberi pengiktirafan tertinggi di luar negara, seperti GESS Education Award dan Pearson ELT Teacher Award, yang berjaya dirangkul oleh Sirhajian Idek dari Sabah dan Noorjahan Sultan dari Pahang.

Sudah tentulah babak Cikgu Ros (lakonan Rosyatimah) yang mengajar Ramlee, Aziz, dan Sudin di kelas pemuliharaan Jawi dalam *Pendekar Bujang Lapok* akan terus diingati sehingga hari ini. Babak yang penuh humor dan kelakar itu sewajarnya menjadi panduan kepada golongan pendidik supaya peka dan prihatin tentang cabaran di kelas yang dipenuhi murid yang mempunyai pelbagai ragam tingkah laku.

Inilah cabaran besar bagi guru moden yang perlu memenuhi kriteria pendidikan alaf baharu berkonsepkan Pendidikan Abad ke-21 (PAK 21). Antara ciri pembelajaran kelas yang diterapkan dalam PAK21 termasuklah pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran aktif dan sendiri, iklim kelas yang kondusif, kerjasama dan toleransi, serta kaedah kolaboratif.

Filem *Nasib Labu Labi* pula memperkenalkan Cikgu Murni (lakonan Murni Sarawak) sebagai satu daripada wataknya. Dalam filem keluaran tahun 1963 di Singapura ini, Cikgu Murni berpenampilan anggun dan cantik serta bersifat penyayang terhadap anak yatim. Hal ini merupakan ciri utama yang diperlukan untuk bergelar pendidik berkualiti.

Berperwatakan cantik bukanlah bermaksud kecantikan semula jadi yang mesti ada pada guru, tetapi guru perlu sentiasa berperwatakan kemas, berwajah ceria, bertutur kata lembut, selain memiliki sifat mengasihi dan menyayangi murid. Perhatikanlah betapa lunak dan tertibnya Cikgu Murni dalam tutur kata dan gerak gaya sehingga mampu untuk

menjinakkan hati Haji Bakhil untuk memberikan derma kepada sekolah.

Selain itu, guru cemerlang sepatutnya mencontohi Cikgu Murni yang sanggup untuk menjalankan kerja kebajikan di luar waktu bertugas demi memastikan potensi pelajar dan imej sekolah terus meningkat. Langkah menjadi guru bukan sekadar menjalankan tugas hakiki semata-mata, namun kesanggupan untuk berkorban masa pada hari minggu dan cuti umum merupakan aspek pendidik yang berkredibiliti dan cemerlang.

Sesudah lebih empat dekad P. Ramlee meninggalkan kita, nama, seperti Cikgu Shaari, Cikgu Ros dan Cikgu Murni, masih terus disebut dan dikenang oleh generasi baharu. Imej dan personaliti pendidik digambarkannya sebagai insan yang berketrampilan, berakhlak mulia, lucu dan tegas. Guru, dari kaca mata seniman agung sepanjang zaman ini, ialah manusia luar biasa yang sanggup untuk berjuang bagi menghadapi apa-apa sahaja cabaran dan dugaan demi merealisasikan hasrat untuk mencipta kegemilangan hidup.

Bersempena dengan Hari Guru yang disambut di seluruh negara pada 16 Mei, pemikiran dan falsafah yang dibawa oleh P. Ramlee dalam filem arahnya sewajarnya dikenang oleh semua pendidik. Kata keramatnya "tiada kata secantik bahasa" wajar direnungi oleh mereka yang bergelar guru. Bagi P. Ramlee, guru wajar menuturkan kata yang indah dan cantik dengan menggunakan bahasa kebangsaan. Selamat menyambut Hari Guru untuk semua insan pendidik.